

PENGUASAAN KEMAHIRAN LAKARAN DAN ASAS SENI GURU BUKAN OPSYEN PENDIDIKAN SENI VISUAL

Rahanah Abdul Rahman¹

Mohammad Puad Bebit²

Norhayati Ayob³

¹ Akedemi Seni dan Teknologi Kreatif, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu 88400, Sabah, Malaysia
(Email: rahanahabdulrahman@gmail.com)

² Akedemi Seni dan Teknologi Kreatif, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu 88400, Sabah, Malaysia
(Email: sifuart@ums.edu.my)

³ Akedemi Seni dan Teknologi Kreatif, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu 88400, Sabah, Malaysia
(Email: n_hayati@ums.edu.my)

Article history

Received date : 5-12-2024

Revised date : 6-12-2024

Accepted date : 29-1-2025

Published date : 20-2-2025

To cite this document:

Abdul Rahman, R., Bebit, M. P., & Ayob, N. (2025).
Penguasaan kemahiran lakaran dan asas seni guru
bukan opsyen pendidikan seni visual. *Journal of
Islamic, Social, Economics and Development
(JISED)*, 10 (70), 37 - 46.

Abstrak: *Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap penguasaan kemahiran lakaran dan asas seni dalam kalangan guru bukan opsyen yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Seni Visual (PSV) di peringkat sekolah menengah. Dengan mengaplikasikan model SOLO (Structure of Observed Learning Outcomes) dalam pembinaan Rubrik Penguasaan Kemahiran (PKL), kajian ini telah dilaksanakan dan dianalisis secara terperinci terhadap 43 lakaran yang dihasilkan oleh guru-guru berkenaan. Penilaian ini dilakukan berdasarkan lima tahap kemahiran yang telah ditetapkan, iaitu Prestructural, Unistructural, Multistructural, Relational, dan Extended Abstract. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar guru, iaitu 44%, telah mencapai tahap Relational, manakala 16% berjaya mencapai tahap tertinggi iaitu Extended Abstract. Walau bagaimanapun, sejumlah 40% guru masih berada pada tahap Multistructural dan ke bawah, menandakan keperluan untuk peningkatan kemahiran. Dalam aspek penguasaan asas seni reka, 48.8% guru didapati berada pada tahap "Kurang Memuaskan" dan "Memuaskan". Pengaplikasian asas seni dalam hasil lakaran pula menunjukkan cabaran yang lebih ketara, dengan 2.3% guru dinilai pada tahap "Lemah". Hasil kajian ini menunjukkan kepentingan untuk merangka dan melaksanakan program pembangunan profesional yang lebih bersasar, dengan penekanan khusus terhadap aspek asas seni reka dan teknik lakaran. Hasil kajian ini adalah untuk menyediakan asas empirikal yang kukuh untuk merangka strategi pengajaran yang lebih berkesan dan program latihan yang disesuaikan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual di institusi pendidikan sekolah menengah. Kesimpulannya, kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang keperluan pembangunan profesional guru bukan opsyen dalam bidang Pendidikan Seni Visual, serta membuka ruang untuk penambahbaikan kurikulum dan kaedah pengajaran yang lebih efektif.*

Kata Kunci: *Kemahiran Lakaran, Asas Seni, Guru Bukan Opsyen*

Abstract: *This study aims to assess the mastery level of sketching skills and art fundamentals among non-option teachers who teach Visual Arts Education (PSV) at the secondary school level. By applying the SOLO (Structure of Observed Learning Outcomes) model in developing the Skills Mastery Rubric (PKL), this study was conducted and analyzed in detail on 43 sketches produced by the teachers involved. The assessment was based on five predetermined skill levels: Prestructural, Unistructural, Multistructural, Relational, and Extended Abstract. The findings show that a majority of teachers, 44%, achieved the Relational level, while 16% reached the highest level of Extended Abstract. However, 40% of teachers remained at the Multistructural level and below, indicating a need for skill improvement. In terms of art fundamentals mastery, 48.8% of teachers were found to be at "Less Satisfactory" and "Satisfactory" levels. The application of art fundamentals in sketching showed more significant challenges, with 2.3% of teachers rated at the "Weak" level. These findings highlight the importance of designing and implementing more targeted professional development programs, with specific emphasis on art fundamentals and sketching techniques. The results of this study provide a strong empirical foundation for developing more effective teaching strategies and tailored training programs to enhance the quality of Visual Arts Education teaching and learning in secondary educational institutions. In conclusion, this study contributes to a deeper understanding of the professional development needs of non-option teachers in Visual Arts Education and opens up opportunities for curriculum improvement and more effective teaching methods.*

Keywords: *Sketching Skills, Art Fundamentals, Non-Option Teachers*

Pengenalalan

Pendidikan Seni Visual merupakan salah satu mata pelajaran dalam sistem pendidikan negara di Malaysia yang dilaksanakan seawal peringkat sekolah rendah, ia adalah bertujuan untuk memupuk daya kreativiti dan pemikiran kritis (Mohd Amir Mohd Zahari et al. (2021) dalam kalangan murid. Namun begitu, cabaran timbul apabila guru-guruyang bukan daripada latar belakang pengkhususan Pendidikan Seni Visual ditugaskan untuk mengajar subjek ini. Keadaan ini membangkitkan persoalan tentang tahap penguasaan kemahiran lakaran dalam kalangan guru-guru tersebut dan kesannya terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Kemahiran lakaran merupakan asas penting dalam Pendidikan Seni Visual, membolehkan pelajar mengekspresikan idea dan konsep visual dengan berkesan (UZ, 2018). Penguasaan kemahiran ini oleh guru bukan sekadar mempengaruhi keupayaan mereka untuk mengaplikasikan teknik yang tepat, tetapi juga memberi impak terhadap keupayaan membimbing murid dalam meneroka aspek-aspek seni visual secara mendalam (Abdul Hadi et al., 2019). Dalam konteks ini, tahap penguasaan kemahiran lakaran guru bukan opsyen menjadi satu isu yang memerlukan penelitian khusus, memandangkan ia berkait rapat dengan kualiti pengajaran dan pembelajaran subjek PSV.

Kajian ini bertujuan untuk menyelidik tahap penguasaan kemahiran lakaran dalam kalangan guru-guru bukan opsyen yang mengajar Pendidikan Seni Visual. Ia akan mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh guru-guru tersebut, serta mengkaji kaedah dan strategi yang boleh digunakan untuk meningkatkan kemahiran mereka. Hasil kajian ini diharap dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang keperluan latihan dan

sokongan untuk guru-guru bukan opsyen, seterusnya meningkatkan kualiti pengajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah-sekolah.

Pernyataan Masalah

Isu pengajaran Pendidikan Seni Visual (PSV) oleh guru bukan opsyen di sekolah menengah telah menimbulkan kebimbangan dalam kalangan pemerhati pendidikan. Mahani Ishak dalam Berita Harian Online, pada 12 Disember 2024 melaporkan bahawa KPM pandang serius isu kekurangan guru terutama opsyen mata pelajaran kritikal, impak dari fenomena ini menyebabkan pentadbir sekolah terpaksa mengarahkan guru-guru dari bidang pengkhususan lain untuk mengajar subjek ini. Keadaan ini membangkitkan persoalan tentang kualiti pengajaran dan pembelajaran PSV, terutamanya dalam aspek kemahiran lakaran dan asas seni.

Penguasaan kemahiran lakaran dalam kalangan guru bukan opsyen menjadi isu kritikal yang perlu ditangani. Menurut kajian Hafizati Husna Ibrahim & Suziyani Mohamed (2021); Ibrahim & Mohamed (2021); Martu (2020); Noor Shamshinar Zakaria et al. (2019); Som et al. (2021); Ping et al. (2024), kebanyakan guru bukan opsyen menghadapi kesukaran dalam mengajar mata pelajaran bukan pengkhususan. Kekurangan dalam pengetahuan dan kemahiran ini bukan sahaja menjejaskan keyakinan guru dalam pengajaran, tetapi juga memberi impak negatif terhadap pemahaman dan penguasaan murid dalam aspek lakaran visual. Situasi ini diburukkan lagi apabila guru-guru tersebut tidak pernah mendapat latihan khusus yang mencukupi dalam bidang seni visual.

Selain itu, penguasaan asas seni dalam kalangan guru bukan opsyen juga menunjukkan jurang yang ketara. Jenal & Ramli (2020) mendapati bahawa ramai guru bukan opsyen mengalami kesukaran dalam memahami dan mengaplikasikan prinsip-prinsip asas seni seperti keseimbangan, harmoni, dan komposisi. Kelemahan ini memberi kesan langsung kepada keupayaan mereka untuk membimbing pelajar dalam menghasilkan karya seni yang berkualiti dan memenuhi standard kurikulum yang ditetapkan.

Ketiadaan penilaian sistematik terhadap tahap penguasaan kemahiran lakaran dan asas seni dalam kalangan guru bukan opsyen turut menyumbang kepada kerumitan masalah ini. Walaupun terdapat program pembangunan profesional untuk guru-guru PSV, keberkesanan program-program ini dalam meningkatkan kemahiran guru bukan opsyen masih belum dinilai secara menyeluruh. Kekurangan data empirikal tentang tahap kemahiran sebenar guru-guru ini menyukarkan proses merancang dan melaksanakan program latihan yang berkesan.

Implikasi daripada situasi ini adalah lebih serius apabila dikaitkan dengan pencapaian objektif kurikulum PSV. Pengkaji tempatan lepas Yeh (2021) menegaskan bahawa kekurangan penguasaan kemahiran dalam kalangan guru boleh mengakibatkan murid tidak mencapai tahap kompetensi yang diharapkan dalam subjek PSV. Hal ini bukan sahaja memberi kesan kepada prestasi akademik murid, tetapi juga berpotensi menjejaskan minat dan pembangunan bakat mereka dalam bidang seni visual. Justeru, satu kajian sistematik diperlukan untuk menilai tahap sebenar penguasaan kemahiran lakaran dan asas seni dalam kalangan guru bukan opsyen, sebagai langkah awal dalam menangani isu ini secara komprehensif.

Kemahiran Lakaran

Kemahiran lakaran dalam konteks mata pelajaran PSV merujuk kepada keupayaan seseorang individu untuk menghasilkan representasi visual yang cepat dan ringkas menggunakan pelbagai media seperti pensel, pen, atau arang. Ia merangkumi kebolehan untuk menterjemahkan persepsi visual atau idea abstrak ke dalam bentuk garisan, bentuk, dan ton yang mudah difahami. Kemahiran ini bukan sahaja melibatkan aspek teknikal seperti kawalan tangan dan ketepatan pemerhatian, tetapi juga memerlukan pemahaman mendalam tentang elemen asas seni seperti komposisi, perspektif, dan ton.

Dalam mata pelajaran PSV, kemahiran lakaran dianggap sebagai asas penting yang membolehkan murid mengembangkan kemahiran artistik mereka secara holistik (Mahsan, 2021). Ia berfungsi sebagai alat komunikasi visual yang membolehkan murid merakam dan menyampaikan idea dengan pantas, serta sebagai kaedah untuk menganalisis dan memahami subjek dengan lebih mendalam. Lebih daripada sekadar teknik, kemahiran lakaran merupakan proses kognitif yang menggalakkan pemikiran kritis, meningkatkan kepekaan terhadap persekitaran, dan memupuk kreativiti (Bakar & Shaari, 2020; Rahman, 2019). Oleh itu, penguasaan kemahiran lakaran bukan sahaja penting untuk perkembangan kreativiti murid, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan kemahiran penyelesaian masalah dan pemikiran inovatif yang boleh diaplikasikan merentas pelbagai disiplin.

Objektif Kajian

- i. Menganalisis tahap penguasaan guru bukan opsyen dalam kemahiran lakaran visual.
- ii. Mengklasifikasikan tahap kemahiran asas seni guru bukan opsyen.

Soalan Kajian

- i. Bagaimanakah tahap penguasaan guru bukan opsyen dalam kemahiran lakaran visual?
- ii. Sejauh manakah tahap kemahiran asas seni guru bukan opsyen?

Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah kualitatif dan menggunakan kaedah analisis dokumen. Kaedah ini digunakan untuk mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran guru bukan opsyen sekolah menengah kebangsaan. Pengkaji membuat kajian secara langsung terhadap responden di kawasan masing-masing.

Kaedah persampelan

Kajian ini melibatkan guru bukan opsyen yang mengajar di sekolah menengah kebangsaan di Sarawak dan melibatkan beberapa buah daerah. Jumlah guru bukan opsyen yang terlibat ialah seramai 43 orang yang dipilih atas persetujuan untuk menjadi responden. Pentadbir sekolah tidak termasuk dalam kumpulan responden ini.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan analisis dokumen iaitu hasil karya guru bukan opsyen. Guru dikehendaki membuat satu lakaran visual berdasarkan tema yang telah ditetapkan oleh penyelidik iaitu tema 'Pemandangan'. Responden bebas memilih pemandangan dan teknik lakaran untuk menghasilkan karya lakaran.

Hasil Penyelidikan


Seramai 43 orang guru bukan opsyen telah bersetuju untuk menjadi responden dalam kajian ini. Latar belakang responden adalah berbeza dari segi pengalaman mengajar dalam PSV, akademik, dan yang pernah menghadiri kursus.

Analisis Data

Data dianalisis menggunakan Rubrik Penguasaan Kemahiran Lakaran (PKL) yang telah diadaptasi daripada *Model Structure of Observed Learning Outcomes* (SOLO). Pemilihan Model SOLO sebagai asas dalam pembangunan rubrik analisis lakaran adalah kerana keupayaannya untuk mengenal pasti dan mengklasifikasikan tahap kemahiran lakaran visual guru bukan opsyen secara berstruktur dan objektif.

Kesesuaian Model SOLO dalam kajian ini dapat dilihat melalui beberapa aspek utama. Pertama, struktur hierarki model ini yang terdiri daripada lima tahap iaitu *Prestructural*, *Unistructural*, *Multistructural*, *Relational*, dan *Extended Abstract* memberikan rangka kerja yang jelas untuk menilai perkembangan kemahiran lakaran dari tahap asas hingga ke tahap yang lebih kompleks. Struktur ini amat bersesuaian dengan sifat kemahiran lakaran yang berkembang secara progresif, di mana penguasaan elemen asas menjadi asas kepada pengembangan kemahiran yang lebih kompleks.

Dapatan Perbincangan



Carta 1: Tahap Penguasaan Guru Bukan Opsyen Terhadap Kemahiran Lakaran Dan Asas Seni Dalam Lakaran

Berdasarkan carta 1 adalah hasil analisis kemahiran lakaran guru bukan opsyen dengan menggunakan rubrik Penguasaan Kemahiran Lakaran (PKL) yang diadaptasi dari Model SOLO. Hasil analisis kemahiran guru bukan opsyen diklasifikasikan seperti berikut:

i. Tahap *Prestructural*

Analisis menunjukkan bahawa 5% daripada guru-guru bukan opsyen berada pada tahap *Prestructural* dalam konteks kemahiran lakaran seni visual. Pada tahap ini, para pendidik memperlihatkan pemahaman yang amat terbatas terhadap konsep dan teknik asas dalam bidang lakaran seni visual. Karya yang dihasilkan sering kali tidak menampakkan hubungan yang jelas atau relevan dengan tugas yang ditetapkan, mencerminkan kesukaran dalam menterjemahkan arahan ke dalam bentuk visual yang bermakna. Menurut Biggs & Collis

(1982), tahap ini mencerminkan ketidakupayaan untuk menyusun maklumat secara kreatif dalam konteks pembelajaran.

ii. Tahap *Unistructural*

Tahap *Unistructural* sebanyak 9% daripada guru-guru bukan opsyen yang dinilai dalam kajian ini. Pada peringkat ini, para pendidik menunjukkan kefahaman yang terhad namun bermakna terhadap aspek-aspek penting dalam lakaran seni visual. Mereka memaparkan keupayaan untuk mengaplikasikan secara khusus satu elemen seni atau prinsip rekaan dalam hasil karya mereka. Walau bagaimanapun, keupayaan untuk mengintegrasikan pelbagai aspek secara holistik masih belum berkembang sepenuhnya. Tahap ini selaras dengan pemerhatian (Hook & Mills, 2011) yang menyatakan bahawa pada peringkat *Unistructural*, individu dapat berfokus kepada satu dimensi pembelajaran tetapi belum mampu menggabungkan dengan aspek lain.

iii. Tahap *Multistructural*


Analisis menunjukkan bahawa 26% daripada guru-guru bukan opsyen berada pada tahap *Multistructural* dalam kemahiran lakaran seni visual. Tahap ini mencerminkan peningkatan yang signifikan dalam keupayaan para pendidik untuk mengaplikasikan pelbagai aspek lakaran seni visual secara serentak. Guru-guru dalam kategori ini menunjukkan kecekapan dalam menggabungkan beberapa elemen seni dan prinsip rekaan dalam hasil karya mereka, menandakan perkembangan yang ketara berbanding tahap-tahap sebelumnya.

iv. Tahap *Relational*

Analisis menunjukkan bahawa majoriti guru, iaitu 44%, mencapai tahap *Relational* dalam kemahiran lakaran seni visual. Pencapaian ini mencerminkan tahap kecekapan yang tinggi dalam bidang tersebut. Pada peringkat ini, guru bukan opsyen menunjukkan keupayaan yang sangat baik dalam mengintegrasikan pelbagai elemen seni dan prinsip rekaan secara berkesan, menghasilkan lakaran yang koheren, bermakna, dan memiliki integriti artistik yang tinggi.

v. Tahap *Extended Abstract*

Tahap *Extended Abstract*, yang merupakan peringkat tertinggi dalam hierarki kemahiran lakaran seni visual, dicapai oleh 16% daripada guru-guru yang dinilai. Pencapaian ini menandakan tahap kecekapan yang sangat tinggi dan berpengalaman dalam bidang tersebut. Para pendidik pada tahap ini menunjukkan bukan sahaja penguasaan teknikal yang cemerlang, tetapi juga keupayaan kognitif dan kreatif yang luar biasa dalam konteks seni visual.



Carta 2: Tahap Penguasaan Asas Seni Guru Bukan Opsyen

Carta 2 menunjukkan hasil dari analisis tahap penguasaan asas seni dalam kalangan guru bukan opsyen menunjukkan beberapa tahap penilaian. Hasil analisis ini mendapati sebanyak 2.3% guru bukan opsyen berada pada tahap lemah dalam penguasaan asas seni. Hal ini menggambarkan sebilangan kecil guru yang memerlukan bantuan segera untuk meningkatkan pemahaman dan aplikasi prinsip asas seni dalam pengajaran mereka. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa majoriti guru, iaitu 48.8%, berada dalam kategori "Kurang Memuaskan" dan "Memuaskan". Peratusan yang tinggi ini jelas menunjukkan keperluan untuk penambahbaikan yang lebih mendalam dalam aspek penguasaan asas seni.

Selain itu, kajian mendapati hanya 2.3% guru mencapai tahap "Baik" dalam penguasaan asas seni. Walaupun peratusan ini kecil, namun ia membuktikan bahawa terdapat guru bukan opsyen yang mampu mencapai tahap kompetensi yang memuaskan dalam aspek asas seni. Walau bagaimanapun, tiada guru yang mencapai tahap "Sangat Baik" dalam penguasaan asas seni. Dapatan ini menunjukkan keperluan yang mendesak untuk melaksanakan program pembangunan profesional yang lebih intensif dan berstruktur dalam kalangan guru bukan opsyen.

Berdasarkan dapatan kajian ini, dapat dirumuskan bahawa tahap penguasaan asas seni dalam kalangan guru bukan opsyen masih berada pada tahap yang membimbangkan. Oleh yang demikian, program pembangunan profesional yang lebih bersasar perlu dirancang dan dilaksanakan dengan memberi penekanan khusus terhadap aspek asas seni reka dan teknik lakaran. Hal ini penting bagi memastikan peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual di institusi pendidikan sekolah menengah dapat dicapai dengan lebih berkesan.

Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dibincangkan, analisis menunjukkan bahawa majoriti guru bukan opsyen Pendidikan Seni Visual berada pada tahap Relational dan ke atas dengan jumlah 60% secara keseluruhan dalam aspek kemahiran lakaran. Pencapaian ini merupakan indikator positif terhadap tahap penguasaan kemahiran lakaran dalam kalangan guru bukan opsyen. Namun begitu, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan, terutamanya bagi 40% guru yang berada pada tahap Multistructural dan ke bawah. Manakala, dalam aspek penguasaan asas seni pula, dapatan kajian menunjukkan majoriti guru iaitu 48.8% berada pada tahap "Kurang Memuaskan" dan "Memuaskan". Hal ini memberi gambaran bahawa penguasaan asas seni dalam kalangan guru bukan opsyen masih memerlukan perhatian yang serius.

Sehubungan dengan itu, dapat dirumuskan bahawa walaupun guru bukan opsyen menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan dalam aspek kemahiran lakaran, namun penguasaan mereka dalam asas seni masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Jurang yang ketara ini perlu diberi perhatian memandangkan kedua-dua aspek ini saling melengkapi dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual yang berkesan. Justeru, pemahaman terhadap tahap kemahiran ini amat penting dalam merancang program pembangunan profesional yang lebih berkesan dan disesuaikan dengan keperluan guru-guru bukan opsyen dalam bidang Pendidikan Seni Visual.

Kajian ini telah berjaya menjawab kedua-dua soalan kajian yang telah ditetapkan dengan mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran lakaran dan mengklasifikasikan tahap kemahiran

asas seni guru bukan opsyen. Dapatan kajian ini membuka ruang kepada penambahbaikan dalam aspek latihan dan pembangunan profesional guru, serta menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang keperluan sokongan untuk guru-guru bukan opsyen dalam meningkatkan kualiti pengajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah-sekolah menengah.

Cadangan

Hasil analisis kajian menunjukkan bahawa sejumlah 40% guru bukan opsyen masih berada pada tahap *Multistructural* dan ke bawah dalam penguasaan kemahiran lakaran dan asas seni. Sehubungan dengan itu, beberapa cadangan telah dikenal pasti bagi menangani isu ini dengan mengambil kira keperluan semasa dan hala tuju pendidikan seni visual di Malaysia.

Cadangan yang boleh dilaksanakan ialah Program Pembangunan Profesional Berstruktur secara sistematik. Dalam konteks ini, program latihan berkala perlu dilaksanakan dengan memberi tumpuan kepada kemahiran lakaran secara berperingkat, iaitu dari peringkat asas hingga ke peringkat lanjutan. Selain itu, pihak bertanggungjawab boleh mengadakan bengkel intensif semasa cuti persekolahan bagi memantapkan teknik-teknik lakaran dan asas seni. Seterusnya, program mentor-mentee yang melibatkan guru opsyen dan guru bukan opsyen wajar dilaksanakan bagi memastikan kesinambungan dalam proses pembelajaran.

Di samping itu, aspek Pembangunan Modul Pembelajaran Kendiri juga perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Justeru, penyediaan modul pembelajaran dalam talian yang fleksibel perlu dibangunkan agar guru-guru dapat mengakses bahan pembelajaran pada bila-bila masa. Hal ini dapat direalisasikan melalui penghasilan video tutorial berperingkat serta penyediaan bahan rujukan digital yang komprehensif berkaitan asas seni. Melalui pendekatan ini, guru-guru dapat mengikuti pembelajaran mengikut kemampuan dan kesesuaian masa masing-masing.

Seterusnya, pewujudan Sistem Sokongan Profesional yang mantap adalah amat diperlukan. Hal ini boleh dilaksanakan melalui pembentukan komuniti pembelajaran profesional (PLC) yang khusus untuk guru PSV. Bagi memantapkan sistem ini, sesi perkongsian amalan terbaik perlu diadakan secara berkala, di samping mewujudkan platform dalam talian yang membolehkan guru-guru berbincang dan berkongsi idea secara berterusan.

Akhir sekali, aspek Penilaian dan Pemantauan Berterusan perlu diberi penekanan bagi memastikan keberkesanan program-program yang telah dilaksanakan. Sehubungan dengan itu, penilaian berkala terhadap tahap kemahiran guru perlu dijalankan secara konsisten. Di samping itu, sesi maklum balas yang konstruktif perlu diadakan secara teratur, manakala pembangunan portfolio digital pula perlu dibangunkan bagi tujuan pendokumentasian perkembangan kemahiran guru.

Implikasi

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dibincangkan, terdapat beberapa implikasi penting yang perlu diberi perhatian dalam usaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan seni visual di Malaysia. Implikasi-implikasi tersebut merangkumi pelbagai aspek yang memberi kesan terhadap sistem pendidikan negara.

Dari sudut dasar pendidikan, dapatan kajian ini mengetengahkan keperluan mendesak untuk mengkaji semula dasar penempatan guru bukan opsyen di sekolah menengah. Sehubungan

dengan itu, aspek pembangunan garis panduan khusus untuk latihan guru bukan opsyen perlu diteliti dengan lebih mendalam. Selain itu, peruntukan sumber yang lebih besar untuk pembangunan profesional guru juga perlu dipertimbangkan oleh pihak berkepentingan.

Seterusnya, dalam konteks amalan pengajaran pula, hasil kajian menunjukkan bahawa penambahbaikan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran PSV perlu dilaksanakan secara menyeluruh. Hal ini termasuklah pengintegrasian teknologi dalam pengajaran seni visual yang lebih dinamik.

Di samping itu, pemantapan sistem sokongan untuk guru bukan opsyen juga perlu diberi keutamaan bagi memastikan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.

Dalam pada itu, dari aspek pembangunan kurikulum, kajian ini membawa implikasi yang signifikan terhadap keperluan penyesuaian kurikulum sedia ada. Justeru, pengembangan bahan sokongan pengajaran yang lebih berkesan perlu dilaksanakan. Tambahan pula, pembangunan sistem penilaian yang lebih sesuai dengan tahap kemahiran guru perlu dirangka dengan teliti bagi memastikan pencapaian objektif pembelajaran yang optimum.

Justeru, dalam konteks penyelidikan masa hadapan, dapatan kajian ini membuka ruang yang lebih luas untuk kajian jangka masa panjang berkaitan keberkesanan program latihan guru. Selanjutnya, penyelidikan lanjutan tentang kaedah pengajaran yang lebih berkesan juga perlu dijalankan. Begitu juga dengan kajian perbandingan antara pelbagai model pembangunan profesional yang wajar dilaksanakan bagi mengenal pasti pendekatan yang paling berkesan.

Namun, tidak kurang pentingnya, dari perspektif sosio-ekonomi, implikasi kajian ini memberikan kesan yang menyeluruh terhadap pembangunan PSV di Malaysia. Hal ini dapat dilihat melalui peningkatan kualiti PSV di sekolah yang akan membawa kepada pembangunan bakat seni visual dalam kalangan pelajar. Seterusnya, pengukuhan asas industri kreatif negara juga dapat direalisasikan melalui pelaksanaan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya tujukan kepada Prof. Madya Dr. Mohammad Puad Bebit dan Dr. Norhayati Ayob selaku penyelia yang telah banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar, dan sokongan yang tidak ternilai sepanjang penghasilan kajian ini. Penghargaan juga ditujukan kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang telah menyediakan kemudahan dan prasarana yang kondusif bagi menjayakan penyelidikan ini.

Rujukan

- Abdul Hadi, H., Musa Khan, S., Hamidon, N. A., & Harun, Z. (2019). "Go-Block" 2009: Satu Tinjauan Terhadap Seni Cetak Alternatif Kontemporari Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*. <https://doi.org/10.22452/jomas.vol30no1.4>
- Bakar, N. A., & Shaari, S. J. (2020). *Kepentingan Lakaran Manual dan Teknologi Perisian bagi Proses Eksplorasi Idea dalam Senibina*. 52–57.
- Biggs, J., & Collis, K. F. (1982). Evaluating the Quality of Learning: The SOLO Taxonomy. In *A Handbook for Teaching and Learning in Higher Education: Enhancing Academic Practice*.
- Hafizati Husna Ibrahim, & Suziyani Mohamed. (2021). Kompetensi Guru-guru Bukan Opsyen dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Prasekolah. *Jurnal Dunia Pendidikan*.
- Hook, P., & Mills, J. (2011). *SOLO Taxonomy: A Guide for Schools Book 1*. Essential

- Resources Educational Publishers Limited.
- Ibrahim, H. H., & Mohamed, S. (2021). Kompetensi Guru-guru Bukan Opsyen dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Prasekolah (Competence of Non-Optional Teachers in the Teaching and Learning of Preschool Education). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2).
- Jenal, D., & Ramli, H. (2020). Developing an Art Language Teaching Module to Increase Mastery of Non-Art Teachers Option in Form One. *Kupas Seni*, 8(2), 44–51. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol8.2.4.2020>
- Mahsan, I. P. (2021). Expression of art and visual communication among special needed students of visual arts education subjects in primary schools: Ekspresi seni dan komunikasi visual murid berkeperluan khas dalam mata pelajaran pendidikan seni visual sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 10(1), 41–54. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol10.1.4.2021>
- Martu, N. E. (2020). *Pembinaan Kit Bahasa Seni Visual dalam Meningkatkan Penguasaan Standard Kandungan Apresiasi Seni Murid-murid Tingkatan 2*. Universiti Pendidikan Idris.
- Mohd Amir Mohd Zahari, Rohizani Yaakub, Azrul Azizi Amirul, Norazimah Zakaria, & Anida Sarudin . (2021). Pendekatan “Imaginasi” Dalam The System Stanislavski Membina Daya Kreativiti Murid: Kes Kalangan Murid Sekolah Menengah Di Kedah. *Jurnal Gendang Alam (GA)*. <https://doi.org/10.51200/ga.vi.2757>
- Noor Shamshinar Zakaria, Nor Azhan Norul’Azmi, & Harun Baharudin. (2019). Kemahiran Komunikasi Bukan Lisan: Satu Kajian Terhadap Guru Pelatih Bukan Opsyen Dalam Pengajaran Bahasa Arab. *Malaysian Online Journal of Education*, 3(2), 1–10.
- Ping, N. P., Ahmad, A., & Othman, N. (2024). Kompetensi Guru Bukan Opsyen Sejarah dalam Pengajaran Subjek Sejarah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 6(1), 604–616. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2024.6.1.45>
- Rahman, A. F. A. (2019). *Teknik Lakaran Bersama Peta Alir I-Think Meningkatkan Kemahiran Menjana Idea Murid Etnik Lun Bawang Dalam Karangan Autobiografi Ahmad*. 12–22.
- Som, M. F. M., Ali, S. K. S., Jamaluddin, S., & Baharan, M. F. M. (2021). Tahap Amalan Penaakulan Pedagogi Guru Pendidikan Jasmani Sekolah Menengah Dari Aspek Kefahaman dan Transformasi : Satu Kajian di Daerah Klang, Selangor. *Jurnal Kurikulum & Pengajian Asia Pasifik*, 9(1), 11–19.
- UZ, N. (2018). Importance of drawing education in plastic arts and an example of method for developing creativity. *Global Journal of Arts Education*, 8(3), 91–102. <https://doi.org/10.18844/gjae.v8i3.3880>
- Yeh, L. H. (2021). Cabaran yang dihadapi Pendidikan Seni Visual dengan Pentaksiran Bilik Darjah di sekolah rendah daerah Hilir Perak. *Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 9(1), 46–57.